

Arbid: Seramai 100 kanak-kanak pelarian Syria dan ahli keluarganya yang belajar di Sekolah Al Insani, Mafraq, dekat sini, menerima sumbangan selimut tebal, baju sejuk dan sekotak makanan bagi membantu meringankan penderitaan mereka menghadapi musim sejuk yang bakal tiba.

Timbalan Presiden Muslim Care Malaysia Mohd Johari Ismail berkata, misi mereka kali ini ke sempadan Jordan-Syria untuk menghulurkan sumbangan kepada pelarian Syria supaya mereka tidak menghadapi kesukaran ketika musim sejuk.

Menurutnya, sebahagian objektif misi tercapai dengan penyerahan sumbangan itu yang dapat meringankan beban mereka hasil keprihatinan rakyat negara ini menderma kepada Muslim Care Malaysia untuk disalurkan kepada pelarian terbabit.

Bantu kanak-kanak hadapi musim sejuk



KANAK-KANAK pelarian Syria menerima sumbangan daripada Muslim Care Malaysia.

"Pihak kami meneruskan misi kemanusiaan ini dan lebih ramai pelarian dibantu terutama di kawasan kem pelarian yang serba kekurangan dan membahayakan nyawa mereka jika kesejukan nanti.

"Kanak-kanak pelarian Syria berpotensi berjaya dalam pelajaran, namun peperangan menyebabkan mereka terabai, Alhamdulillah ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), di sini membantu membina sekolah untuk pelarian Syria," katanya.

Mohd Johari berkata, misi ini tidak akan terhenti setakat ini dan akan berterusan membantu mereka yang turut mendapat kerjasama Persatuan Kakitangan Islam Maybank (PKIMB), wakil Petronas, dan sukarelawan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Global Islamic Students Outreach (GISO).